

1067- ANALISIS KETERANGAN PAKAR FORENSIK DALAM KES JENAYAH DI MAHKAMAH SIVIL

SITI SALIHAH ABU BAKAR
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
20bi01071@student.kuis.edu.my

SURIANOM MISKAM
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
surianom@kuis.edu.my

ABSTRAK

Keterangan pakar forensik merupakan salah satu bentuk keterangan pakar yang relevan dan boleh diterima oleh mahkamah dalam pembuktian kes yang dibicarakan terutamanya dalam kes-kes jenayah. Walau bagaimanapun, pada masa ini, isu tentang kedudukan keterangan pakar forensik menurut undang-undang masih menjadi perbincangan dalam kalangan ahli akademik dan pengamal undang-undang termasuk isu kelayakan pakar forensik itu sendiri untuk memberi keterangan di mahkamah. Keadaan ini seterusnya membawa kepada isu kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan pakar forensik itu dalam pembuktian kes di mahkamah. Maka, kajian ini akan menganalisis kes-kes berkaitan dengan kerelevanan dan kebolehterimaan keterangan pakar forensik dalam kes jenayah di mahkamah sivil. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis kes-kes mahkamah yang dilaporkan dalam Malaysian Law Journal (MLJ) dari tahun 2013 sehingga tahun 2023. Kajian ini mendapati bahawa terdapat kes di mana mahkamah menerima keterangan pakar forensik dengan mengambil kira pendapat mereka sahaja seperti yang terdapat dalam kes bunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan terdapat keadaan di mana mahkamah menerima keterangan pakar forensik dengan mengambil kira kelayakan mereka berdasarkan kepada seksyen 45 Akta Keterangan 1950 seperti dalam kes mengedar dadah di bawah seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952. Oleh itu, kajian ini seterusnya menyimpulkan tentang kerelevanan dan kebolehterimaan dan keterangan pakar forensik dalam kes jenayah di mahkamah sivil berdasarkan analisis kes-kes yang dilaporkan.

Kata kunci: *Kerelevanan, keterangan pakar forensik, jenayah, mahkamah sivil*

PENDAHULUAN

Keterangan pakar forensik merupakan salah satu bentuk keterangan pakar yang relevan dan boleh diterima oleh mahkamah dalam pembuktian kes yang dibicarakan terutamanya dalam kes-kes jenayah. Walau bagaimanapun, pada masa ini, isu tentang kedudukan keterangan pakar forensik menurut undang-undang masih menjadi perbincangan dalam kalangan ahli akademik dan pengamal undang-undang termasuk isu kelayakan pakar forensik itu sendiri untuk memberi keterangan di mahkamah. Undang-undang keterangan merupakan salah satu undang-undang berkaitan dengan prosedur dalam mahkamah di Malaysia. Kepentingannya boleh dilihat dalam perbicaraan sesuatu kes memandangkan undang-undang keterangan akan terpakai kepada perbicaraan di mahkamah sahaja (Ramalinggam, 2012). Hal ini adalah kerana, setiap perbicaraan sesuatu kes dalam mahkamah, ia memerlukan keterangan-keterangan daripada pihak yang bertikai bagi menyokong sesuatu pembuktian yang dikemukakan. Dalam undang-undang keterangan, terdapat pelbagai jenis bentuk

keterangan yang boleh dikemukakan di mahkamah dalam sesuatu kes termasuklah keterangan daripada pakar forensik dalam membuktikan sesuatu dalam kes jenayah di mahkamah sivil.

Walau bagaimanapun, undang-undang di Malaysia tidak menyebut berkaitan kriteria pemilihan pakar secara khusus. Namun, peruntukan berkaitan keterangan pakar dinyatakan di bawah seksyen 45 Akta Keterangan 1950 (Nurhazla Ismail, 2021). Pendapat dan penjelasan dari aspek sains forensik akan membantu hakim dalam membuat keputusan yang adil serta memelihara kemaslahatan awam. Dengan merujuk seksyen 45 Akta Keterangan 1950, dapat difahami bahawa sains forensik merupakan antara cabang ilmu sains dan ia boleh dijadikan sebagai keterangan untuk membantu pihak mahkamah.

Kelayakan pakar forensik itu sendiri perlu dititikberatkan dalam memberi keterangan di mahkamah kerana setiap perbahasan yang berkaitan dengan isu yang timbul berkenaan kebolehterimaan keterangan saksi pakar menunjukkan keperluan penetapan kriteria kelayakan pakar yang perlu ada pada seseorang pakar sebelum pendapat mereka diterima sebagai keterangan di mahkamah. Peruntukan untuk menentukan sama ada seseorang itu seorang pakar masih belum jelas kerana bidang perundangan masih belum menetapkan kelayakan setara yang sepatutnya kepada seseorang saksi pakar. Keseragaman dalam penetapan kriteria bagi profesion ini penting kerana melibatkan keterangan pakar yang boleh mempengaruhi keputusan di mahkamah. Hal ini bagi menjamin kewibawaan seorang ahli forensik sebagai saksi pakar dan pada masa yang sama dapat membantu mahkamah memberikan keadilan yang sewajarnya (Nurhazla Ismail, 2021) terutama apabila ia melibatkan kes jenayah.

Oleh yang demikian, kajian ini akan menganalisis kes-kes yang berkaitan dengan penerimaan keterangan forensik dalam kes jenayah di mahkamah sivil. Kajian ini disusun seperti berikut: Bahagian 2 mengupas kajian lepas berkaitan konsep keterangan pakar forensik dan terma-terma berkaitan. Bahagian 3 menerangkan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Bahagian 4 membincangkan dapatan kajian manakala Bahagian 5 memberikan kesimpulan daripada analisis dan perbincangan terdahulu.

TINJAUAN LITERATUR

Konsep Keterangan Pakar Forensik

Definisi keterangan meliputi keterangan saksi-saksi dan keterangan dokumentari. Selain itu, keterangan juga bermaksud sesuatu yang membuktikan tuntutan atau pernyataan (Chandrachud dan Manohar, 2001). Sementara itu, Bowen (2010) melihat keterangan sebagai apa-apa yang membantu untuk membuktikan atau menafikan fakta-fakta material. May dan Powles (2004) pula menyatakan keterangan adalah sesuatu yang cenderung untuk membuktikan atau menyangkal apa-apa fakta atau kesimpulan. Dalam sesuatu perbicaraan, ia bermaksud maklumat yang diletakkan di hadapan mahkamah untuk membuktikan fakta-fakta dalam isu iaitu dalam sesuatu perbicaraan jenayah, ia adalah fakta-fakta yang mana pendakwaan perlu wujudkan untuk membuktikan kesnya dan defendan perlu ketengahkan untuk membangkitkan sesuatu pembelaan. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada definisi di atas, jelas kepada kita bahawa keterangan boleh diperoleh dalam bentuk lisan, dokumentari atau objek material (keterangan sebenar) di mana tanpa keterangan, sesuatu pertuduhan tidak boleh dibawa.

Pakar pula bermaksud seseorang yang mempunyai pengetahuan atau kemahiran yang tinggi berkaitan sesuatu subjek atau aktiviti atau ahli yang mahir dalam sesuatu ilmu (Nurhazla Ismail, 2021). Selain itu, menurut seksyen 4 Akta Keterangan New Zealand 2006, pakar diertikan sebagai seseorang yang memberikan pendapat berdasarkan pengetahuan atau kemahiran khusus yang diperoleh melalui latihan, pembelajaran atau pengalaman. Dalam kata lain, takrifan yang diberikan ini dapat menggambarkan maksud pakar sebagai seseorang individu yang dikehendaki hadir ke mahkamah untuk memberikan informasi berfakta dan pandangan berlandaskan fakta dalam lingkungan kepakarannya, iaitu seseorang pakar tersebut tidak boleh memberikan pendapat atau informasi berfakta yang berada di luar bidang kepakaran atau kemahirannya (Ramalinggam, 2012). Justeru, berdasarkan definisi ini, apa yang jelas ialah pakar bermaksud seseorang individu yang ditentukan oleh mahkamah sebagai memiliki pengetahuan yang relevan kepada perbicaraan sesuatu kes dan pengetahuan ini tidak boleh diperoleh daripada orang biasa.

Forensik menurut bahasa adalah berkenaan pengetahuan perubatan yang diperlukan dalam pengadilan misalnya, untuk menentukan punca sesuatu kematian (Ramalinggam, 2012). Selain itu, forensik juga bermaksud sesuatu yang berkaitan dengan undang-undang dan digunakan di mahkamah keadilan. Definisi yang hampir sama telah diberikan oleh “*The Oxford English Reference Dictionary*” di mana forensik ditakrifkan sebagai sesuatu yang berkaitan undang-undang dan keadilan terutamanya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan jenayah. Dalam pada itu, forensik adalah berkaitan dengan mahkamah keadilan ataupun satu perdebatan umum sama ada melalui lisan atau dokumen. Forensik adalah satu proses menggunakan pengetahuan saintifik untuk mengumpul, menganalisa dan mempersembahkan keterangan kepada mahkamah. Selain itu juga, forensik turut diertikan sebagai ujian atau teknik-teknik saintifik yang digunakan untuk tujuan mengesan jenayah (Ramalinggam, 2012). Kesemua kaedah forensik seperti cap jari, kesan gigi, rambut, kumpulan darah, coretan pada peluru dan sebagainya merupakan sampel yang boleh dianalisis dengan ketepatan yang munasabah kepada individu tertentu yang disyaki melakukan jenayah (Haezreena, 2022).

Forensik juga bermaksud perbincangan dan hujah awam yang mana ia merujuk kepada terma sains forensik itu sendiri. Sains forensik ini digunakan untuk menyelesaikan kes jenayah dengan memerlukan penggunaan teknik dan prosedur saintifik. Sains forensik ini merupakan suatu elemen yang kritikal dalam dalam sistem keadilan jenayah. Hal ini kerana, ahli forensik perlu meneliti dan menganalisis bukti-bukti dari tempat kejadian atau pun daripada tempat lain bagi membantu penyiasatan dalam sesuatu kes tersebut (Nehaluddin, 2022). Sains forensik juga telah membuka jalan baharu dalam undang-undang jenayah sambil mencipta pelbagai undang-undang, etika dan masalah sosial (Nehaluddin, 2023). Dapat dirumuskan bahawa forensik adalah sesuatu yang berkaitan dengan mahkamah keadilan. Ia melibatkan kaedah-kaedah atau teknik-teknik saintifik yang digunakan dalam siasatan jenayah. Pakar forensik pula dapat ditakrifkan sebagai seseorang yang mempunyai kemahiran dalam kaedah saintifik yang berkaitan jenayah yang berlaku (Nurhazla Ismail, 2021).

Kelayakan Pakar Forensik

Walaupun tiada kriteria kelayakan khusus berkaitan saksi pakar yang telah ditetapkan, namun secara umumnya seorang pakar mestilah mempunyai kelayakan akademik dalam bidang spesifik sebagaimana yang diperlukan. Kelayakan akademik juga boleh dilihat berdasarkan sijil yang dimiliki sama ada sarjana muda, sarjana mahu pun doktor falsafah (Nurhazla

Ismail, 2021). Perkara ini dinyatakan dalam kes Pendakwa Raya lwn Abillah bin Labo Khan [1996] MLJU 268, saksi pakar dalam kes ini ialah seorang ahli kimia kerajaan, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kimia UKM 1978 dan mempunyai mempunyai pengalaman kerja 18 tahun, telah mengikuti dua kursus, iaitu yang pertama *Drugs testing in Laboratory* selama dua minggu di Seoul, Korea Selatan 1988 dan yang kedua *United Nation Fellowship in Identification analysis of drugs abuse* di Ibu Pejabat Kimia Petaling Jaya selama tiga bulan dalam tahun 1993. Beliau juga telah menerima latihan dalam dalam kerja dari ahli kimia kanan dalam analisis dadah berbahaya termasuk heroin. Beliau pernah memberi keterangan dalam kes pengedaran melibatkan dadah berbahaya heroin dan cannabis, dan setakat yang beliau tahu, keterangan beliau telah diterima oleh mahkamah.

Kriteria pemilihan saksi pakar juga diambil kira berdasarkan pengalaman seseorang pakar itu dalam pekerjaan. Kriteria kelayakan ini turut disokong oleh sebilangan pandangan seperti Hall (2010), Giannelli (2000) dan Jones (1994). Seseorang pakar tidak diambil kira berdasarkan gelaran atau sijil akademik semata-mata, tetapi dilihat juga berdasarkan pengalaman. Pengalaman bermaksud mempelajari strategi untuk berjaya dan bertahan dalam kamar mahkamah. Namun, ada juga yang berpendapat bahawa pengalaman boleh dikira berdasarkan tempoh seseorang itu bekerja. Ini disebabkan kepakaran seseorang pakar itu diakui apabila beliau telah lama berkhidmat dalam bidang tersebut (Nurhazla Ismail, 2021). Seperti dalam kes Che Mohd Sufian @ Che Bastian bin Che Rashid v Pendakwa Raya [2012] MLJU 908, mahkamah memutuskan bahawa keterangan yang telah diberikan oleh saksi pakar diterima. Saksi pakar dalam kes ini telah telah memperolehi kepakaran sebagai seorang pakar O&G melalui pekerjaan iaitu sebagai seorang doktor dalam bidang O&G di Hospital Bersalin Kuala Lumpur selama lebih kurang enam tahun. Seorang saksi pakar yang telah lama berkhidmat dalam memberikan keterangan pakar di mahkamah sebagai seorang pakar dalam bidangnya tidak perlu memberikan penjelasan kelayakan akademik. Pengalaman yang diakui dalam perkhidmatan adalah memadai untuk dikatakan sebagai pakar dalam sesuatu bidang.

Kriteria kelayakan saksi pakar seterusnya yang perlu ada untuk seorang pakar dilantik sebagai saksi pakar adalah kemahiran. Seseorang yang mempunyai kemahiran yang tinggi dan berkhidmat dalam bidang tertentu juga dipanggil sebagai seorang pakar dari sudut praktikal. Contohnya seperti dalam kes Kamaruddin bin Mat Din v Pendakwa Raya [1999] MLJU 283, walaupun saksi pakar yang telah menjalankan ujian DNA adalah bukan seorang pakar DNA, hakim bicara telah memutuskan bahawa beliau adalah seorang pakar yang layak menjalankan ujian DNA kerana beliau berkelulusan dan mempunyai pengalaman sebagai seorang ahli kimia. Hakim bicara telah menerima keterangan beliau sebagai keterangan pakar setelah hakim memerhati cara beliau memberi keterangan mengenai ujian DNA yang telah dijalankan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan membuat carian beberapa kes yang berkaitan di MLJ dengan menggunakan kata kunci *forensic* dan *section 45* bermula daripada tahun 2013 hingga tahun 2023. Hasil daripada carian tersebut, penulis telah memilih sebanyak 20 kes untuk dianalisis bagi menganalisis setakat manakah tahap kebolehterimaan keterangan pakar forensik dalam kes jenayah di mahkamah sivil.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Senarai kes yang dianalisis diringkaskan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Senarai Kes Keterangan Pakar Forensik dari tahun 2013 - 2022

Bil.	Nama Kes	Kesalahan	Mahkamah
1.	Public Prosecutor v Juli Kanoi [2017] MLJU 286	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Rayuan (Putrajaya)
2.	Pendakwa Raya lwn Tamang Kamal [2017] MLJU 1660	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Tinggi (Johor)
3.	Pendakwa Raya lwn Fong Kim Ho [2018] MLJU 186	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Tinggi (Kuantan)
4.	Pendakwa Raya lwn Htwee Nu Maung (Warganegara Bangladesh) [2019] MLJU 1745	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Tinggi (Shah Alam)
5.	Pendakwa Raya lwn Aizat Abdullah bin Othman [2019] MLJU 2024	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Tinggi (Shah Alam)
6.	Mohd Afizi bin Abdul Rahman lwn Pendakwa Raya [2020] MLJU 1675	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Rayuan (Putrajaya)
7.	Pendakwa Raya lwn Ismail bin Mohd Don [2020] MLJU 2215	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Tinggi (Kuala Terengganu)
8.	That Wei v Public Prosecutor [2021] 6 MLJ 167	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Rayuan (Putrajaya)
9.	Pendakwa Raya lwn Ja'afar bin Halid [2021] MLJU 235	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Tinggi (Pulau Pinang)
10.	Nagarujun a/l Arjunan v Public Prosecutor and Another Appeal [2021] 2 MLJ 599	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Rayuan (Putrajaya)
11.	Pendakwa Raya lwn Syaiful Afikin bin Mohd Firus [2022] MLJU 721	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Tinggi (Kuala Lumpur)
12.	Pendakwa Raya lwn Vasuthevan a/l Palianappan [2022] MLJU 3669	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Tinggi (Shah Alam)
13.	Pendakwa Raya lwn Nur Hidayah bt Abdullah [2022] 11 MLJ 705	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Tinggi (Muar)
14.	Saimon a/l Anthony lwn Pendakwa Raya dan lain-lain rayuan [2023] 5 MLJ 222	Seksyen 302 Kanun Keseksaan	Mahkamah Rayuan (Putrajaya)
15.	Public Prosecutor v Chan Beng Hoi & Anor [2019] MLJU 1798	Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952	Mahkamah Tinggi (Bintulu)
16.	Pendakwa Raya lwn Mohamad Zulazwan bin Saali dan satu lagi [2020] MLJU 1293	Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952	Mahkamah Tinggi (Shah Alam)
17.	Pendakwa Raya lwn Vjendran a/l Balakrishnan [2022] MLJU 169	Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952	Mahkamah Tinggi (Pulau Pinang)
18.	Public Prosecutor v Saldi bin Rappe [2022] MLJU 1408	Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952	Mahkamah Tinggi (Tawau)
19.	Public Prosecutor v Alex bin Abdullah & Anor [2023] MLJU 85	Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952	Mahkamah Tinggi (Tawau)
20.	Pendakwa Raya lwn Mohd Asrizal bin Mohd Ibrahim dan lain-lain [2021] MLJU 848	Seksyen 3 dan 3A Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971	Mahkamah Tinggi (Shah Alam)

Public Prosecutor v Juli Kanoi [2017] MLJU 286

Dalam kes ini, Dr Jessie Hiu (SP14) telah menjalankan bedah siasat ke atas kedua si mati di Hospital Ratu Elizabeth di Kota Kinabalu. SP14 merupakan lepasan Ijazah Sarjana Muda Kedokteran di Universiti Kebangsaan pada tahun 1991. Kemudiannya, pada tahun 1998, beliau memperoleh Sarjana dalam Patologi dari Universiti Malaya. Beliau juga pernah beberapa kali memberikan keterangannya di mahkamah di Sabah. Dalam kes ini, kelayakan dan kemahirannya tidak dapat disangkal sama sekali. Dalam keterangannya, beliau menyatakan bahawa bedah siasat telah dilakukan ke atas kedua-dua si mati. Hasil bedah siasat beliau mendapati terdapat kesan luka tikaman di bahagian hadapan bawah leher pada tubuh badan Minah yang mana kecederaan yang dialami itu pada lazimnya merupakan kecederaan biasa yang boleh menyebabkan kematian. Manakala, bagi kecederaan yang dialami oleh Bibiah, beliau mendapati terdapat luka tikaman yang panjangnya 2 cm di bahagian hadapan kiri atas dada. Beliau juga menyatakan punca kematian Bibiah adalah disebabkan oleh '*bleeding into chest cavity*' yang mana kecederaan yang dialami oleh Bibiah merupakan kecederaan yang pada lazimnya boleh menyebabkan kematian. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan di atas, mahkamah telah menerima keterangan yang diberikan oleh saksi pakar tersebut yang mana ia dapat membuktikan punca kematian kedua si mati adalah disebabkan oleh kecederaan yang dialami mereka.

Pendakwa Raya Iwn Tamang Kamal [2017] MLJU 1660

Doktor Mohamad Aznool Haidy bin Haji Ahsorori (SP14) merupakan Pakar Perubatan Forensik di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, telah melakukan bedah siasat ke atas kedua si mati. Dalam keterangannya, beliau menyatakan bahawa si mati pertama dan kedua telah mengalami luka tetakan yang berganda di bahagian kepala, muka dan leher. Kecederaan tersebut boleh menyebabkan pendarahan yang ekstensif yang menjurus kepada kegagalan fungsi tubuh secara menyeluruh '*acute systemic organs failure*'. Oleh yang demikian, tiada peluang untuk si mati hidup kerana kecederaan yang dialami oleh kedua si mati ini lazimnya boleh menyebabkan kematian. Berdasarkan keterangan yang diberikan oleh SP14 ini, mahkamah telah menerima keterangan beliau yang menyatakan bahawa punca kematian bagi kedua si mati tersebut adalah akibat daripada kecederaan yang dialami oleh mereka.

Pendakwa Raya Iwn Fong Kim Ho [2018] MLJU 186

Dr. Sri Marni binti Zainal Abidin (SP18) merupakan seorang pakar forensik patologi, telah melakukan bedah siasat ke atas mayat si mati di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang. Beliau telah memberi keterangan lisan di mahkamah dengan menyatakan bahawa terdapat 16 tanda kecederaan pada tubuh si mati dan kecederaan yang '*fatal in nature*' adalah kecederaan pada beberapa bahagian dada iaitu luka tikaman. Disebabkan itu, beliau menyatakan bahawa luka tikaman tersebut telah mendatangkan kecederaan pada organ jantung dan paru-paru si mati sehingga menyebabkan berlakunya banyak pendarahan serta gangguan pada pernafasan si mati. Tambahan pula dengan kecederaan luka tikaman yang berganda itu menyebabkan kematian si mati. Berdasarkan keterangan yang diberikan oleh saksi pakar forensik patologi tersebut, mahkamah menerima keterangan beliau yang menyatakan bahawa punca kematian si mati adalah disebabkan oleh kecederaan yang dialami oleh si mati yang pada pada lazimnya boleh menyebabkan kematian.

Pendakwa Raya Iwn Htwee Nu Maung (Warganegara Bangladesh) [2019] MLJU 1745

Dr. Nur Ayutimasery binti Abdullah (SP15) yang merupakan seorang pakar perubatan forensik semasa bertugas di Jabatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

menyatakan bahawa beliau telah menjalankan bedah siasat ke atas si mati. Hasil bedah siasat yang dijalankan, beliau menyatakan bahawa punca kematian si mati adalah disebabkan pendarahan yang banyak daripada luka objek tajam pada bahagian kepala dan dada si mati. Selain itu, beliau juga mengesahkan bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati dalam keadaan biasa adalah mencukupi untuk mengakibatkan kematian. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, mahkamah telah menerima keterangan yang diberikan oleh pakar tersebut yang menyatakan kematian si mati adalah disebabkan oleh kecederaan yang dialaminya.

Pendakwa Raya Iwn Aizat Abdullah bin Othman [2019] MLJU 2024

Doktor Salmah Arshad (SP11) yang merupakan pakar patologi telah melakukan bedah siasat ke atas si mati. Dalam keterangannya, beliau menjelaskan bahawa daripada hasil bedah siasat tersebut didapati bahawa terdapat kesan lebam yang pelbagai usia pada hampir seluruh badan si mati. Beliau juga menyatakan bahawa kesan lebam tersebut boleh disebabkan oleh objek tumpul seperti tangan, kaki, kayu dan lain-lain. Dari hasil pemeriksaan dalaman pula, beliau menjelaskan terdapat pendarahan di bawah kulit kepala depan, kanan dan belakang. Beliau menyatakan bahawa kecederaan yang dialami oleh si mati itu adalah merupakan kecederaan yang parah dan si mati juga tidak mungkin dapat diselamatkan meskipun diberikan rawatan awal. Kecederaan seperti tumbukan, ditekan kuat atau ditendang akan menyebabkan kecederaan abdominal. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan yang punca kematian si mati adalah disebabkan oleh “*subdural haemorrhage*” dan “*intraabdominal injury due to blunt force trauma*”. Mahkamah telah menerima keterangan yang dikemukakan oleh saksi pakar dalam kes ini.

Mohd Afizi bin Abdul Rahman Iwn Pendakwa Raya [2020] MLJU 1675

Pakar Perunding Forensik Hospital Kuala Lumpur iaitu Dr Nurliza binti Abdullah (SP19) telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati. Hasil daripada bedah siasat tersebut, beliau memberikan keterangan bahawa si mati mengalami renjatan atau *state of shock*. Selain itu, si mati juga mengalami keadaan *sepsis* iaitu jangkitan kuman dalam sistem pengaliran darah. Disebabkan itu, punca kematian si mati adalah disebabkan oleh *severe burns* yang meliputi kawasan permukaan badan sebanyak 66% sehingga 82% beserta *sepsis* dan *shock*. Dalam kes ini, mahkamah menerima keterangan pakar forensik bahawa punca kematian si mati adalah berpunca daripada kecederaan yang dialaminya yang mana ia merupakan satu keadaan *life threatening* yang boleh membawa kepada kematian.

Pendakwa Raya Iwn Ismail bin Mohd Don [2020] MLJU 2215

Doktor Pakar Forensik iaitu Doktor Siew Sheue Feng (SP10) telah menjalankan bedah siasat ke atas si mati. Dalam keterangannya, beliau menyatakan bahawa hasil daripada bedah siasat yang dilakukan, didapati punca kematian si mati adalah disebabkan oleh kecederaan di bahagian belakang kepala akibat trauma pukul yang mengakibatkan pendarahan di selaput otak iaitu *subarachnoid hemorage* yang telah menjejaskan kawalan pernafasan paru-paru ke otak. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa kecederaan pada kepala si mati adalah kecederaan yang sangat parah yang biasanya kecederaan fatal. Walaupun kecederaan tersebut mengambil sedikit masa untuk menyebabkan kematian, tetapi kecederaan tersebut boleh membawa kepada kematian. Daripada keterangan tersebut, mahkamah telah menerima keterangan SP10 yang menyatakan bahawa punca kematian si mati adalah akibat daripada kecederaan kepala yang dialami oleh si mati semasa hari kejadian.

That Wei v Public Prosecutor [2021] 6 MLJ 167

Pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan pakar patologi forensik (SP5) yang telah menjalankan bedah siasat ke atas si mati. Dalam keterangannya, beliau menjelaskan daripada hasil bedah siasat tersebut, didapati bahawa si mati telah mengalami beberapa kecederaan pada tubuhnya iaitu di bahu, leher, tangan dan jari tangan. Beliau mengesahkan bahawa punca kematian si mati adalah disebabkan 'incised wound to the neck'. Mahkamah menerima keterangan SP5 yang menyatakan bahawa kesan luka hiris dan tusukan berganda pada tubuh si mati menjadi punca kepada kematian si mati iaitu 'incised wound to the neck'. Mahkamah mengakui bahawa meskipun tiada sebarang keterangan saksi pendakwaan yang melihat perbuatan tertuduh semasa mencederakan si mati, akan tetapi mahkamah menerima keterangan mengikut keadaan bagi mengaitkan tertuduh dengan kematian si mati.

Pendakwa Raya Iwn Ja'afar bin Halid [2021] MLJU 235

Doktor pakar forensik iaitu Dato' Dr. Zahari bin Noor (SP3) yang menjalankan bedah siasat ke atas si mati pertama iaitu Ong Teik Kwong ini telah memberi keterangan bahawa si mati telah mati akibat daripada kecederaan dalam belakang kepala yang disebabkan oleh tembakan senjata api. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa terdapat satu kesan tembakan pada belakang pangkal kepala yang telah menembusi bahagian dalaman pangkal kepala dan otak lalu menyebabkan pendarahan dan kematian. Bagi si mati kedua iaitu Choi Hon Ming, bedah siasat dilakukan oleh Dr. Amir Saad bin Abdul Rahim (SP4). Dalam keterangan beliau, menyatakan bahawa si mati telah mati akibat daripada kecederaan dalaman dada yang disebabkan oleh tembakan senjata api. Beliau menyatakan bahawa kecederaan tembakan yang dialami si mati di kiri dadanya merupakan kecederaan *fatal*. Manakala, si mati ketiga pula iaitu Senthil Murugiah, bedah siasat dilakukan oleh Dato' Dr. Zahari bin Noor (SP3). Hasil daripada bedah siasat itu, beliau memberi keterangan bahawa si mati telah mati akibat daripada kecederaan dalam dada yang disebabkan oleh tembakan senjata api. Bukan itu sahaja, beliau menyatakan bahawa terdapat satu tembakan pada belakang dada telah menembusi bahagian dalaman dada lalu menyebabkan kecederaan paru-paru kanan, salur darah *Superior Vena Cava* dan bahagian *atrium* kanan jantung. Hal ini menyebabkan berlaku pendarahan dan kematian. Daripada keterangan tersebut, mahkamah telah menerima keterangan SP3 dan SP4 yang mendapati bahawa kematian ketiga-tiga si mati adalah berpunca daripada kecederaan luka tembakan yang dialami semasa hari kejadian.

Nagarujun a/l Arjunan v Public Prosecutor and Another Appeal [2021] 2 MLJ 599

SP12 iaitu ASP Noraini binti Awang yang merupakan Pegawai Forensik daripada Cawangan Forensik IPK, Perak telah menjalankan siasatan forensik ke atas bahan bukti yang telah dijumpai di dapur rumah tertuduh. Dalam keterangannya, beliau menyatakan bahawa beliau telah mengambil sampel DNA daripada barang bukti tersebut. Kemudiannya, SP9 iaitu ASP Mohd Akmal Hizam bin Haji Abdul Khupur telah menjalankan analisis terhadap cap jari. Daripada analisis tersebut, didapati terdapat satu sampel yang sama dengan cap jari tertuduh kedua. Seterusnya, daripada ujian analisis DNA pada sampel darah kedua-dua tertuduh, SP11 iaitu Nor Ummiza binti Kamaruzaman daripada Ahli Kimia telah menyatakan dalam keterangannya, beliau menjumpai kesan darah pada T-shirt dan seluar yang dipakai oleh tertuduh pertama, terdapat darah tertuduh dan juga terdapat darah si mati pada seluar yang dipakai tertuduh kedua. Bedah siasat pula telah dilakukan oleh Dr. Siti Zanariah binti Mohd Nazri (SP2) yang menyatakan bahawa punca kematian si mati adalah disebabkan oleh kecederaan luka tikaman yang berganda pada leher si mati sehingga berlaku pendarahan yang

banyak. Oleh itu, daripada keterangan yang dikemukakan mahkamah berpuas hati menyatakan punca kematian si mati adalah disebabkan oleh kecederaan yang dialaminya. Tambahan pula, dengan analisis DNA pada kesan darah yang terdapat pada pisau merupakan darah si mati. Justeru, keterangan yang diberikan merupakan keterangan yang konsisten dengan pisau yang dijumpai di sinki dapur rumah si mati.

Pendakwa Raya Iwn Syaiful Afikin bin Mohd Firus [2022] MLJU 721

Dalam keterangan Dr. Wan Mohamad Zamri bin Wan Nawawi (SP10) yang merupakan pakar perubatan forensik, beliau menyatakan bahawa berdasarkan keadaan mayat si mati, si mati telah meninggal dunia lebih kurang dalam 12 jam yang lalu. SP10 telah menjalankan bedah siasat ke atas si mati, dan daripada hasil dapatannya adalah, beliau menyatakan yang punca kematian si mati adalah disebabkan oleh pendarahan otak akibat daripada pukulan benda tumpul dan keras di kepala sebelah kiri. Pemeriksaan dalaman menunjukkan bahawa berlaku hematoma pada otot temporalis kiri menyebabkan otak sebelah kiri si mati mengalami pendarahan *subarachnoid* serta tisu dalam otak yang dikenali sebagai *intracerebral hemorrhage*. Selain itu, tiga tulang rusuk sebelah kiri si mati juga patah dan menyebabkan lebam pada peparu belah kiri dan di dalamnya berlaku pendarahan. Hal ini adalah disebabkan kerana luka dalaman pada bahagian otak yang mengawal jantung yang dihadapi oleh si mati. Dalam keterangan SP10 menyatakan si mati boleh meninggal kerana kecederaan yang dialaminya pada bahagian yang berdarah itu. Beliau juga menyatakan yang tumbukan seorang dewasa boleh menyebabkan pendarahan otak seperti yang dialami oleh si mati. Berdasarkan keterangan SP10, mahkamah telah menerima keterangannya yang menyatakan bahawa kematian si mati adalah disebabkan oleh kecederaan yang dialaminya dan bukannya sebab semula jadi.

Pendakwa Raya Iwn Vasuthevan a/l Palianappan [2022] MLJU 3669

Dalam kes ini, SP5 yang merupakan Pakar Perunding Perubatan Forensik, Jabatan Forensik, Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang telah melakukan bedah siasat ke atas si mati. Dalam keterangannya, didapati terdapat 25 luka hiris dan tetak pada tubuh badan si mati disebabkan oleh benda atau senjata tajam seperti pisau atau parang. Terdapat juga luka hiris dan kecederaan yang dialami si mati yang menunjukkan si mati cuba untuk menangkis serangan atau mempertahankan diri daripada serangan tersebut. seterusnya, beliau juga menjelaskan bahawa kecederaan luka hiris pada leher si mati yang menyebabkan pembuluh darah sebelah kiri di bawahnya terkerat merupakan yang paling bahaya dan menyebabkan si mati kehilangan banyak darah sehingga menyebabkan kematian si mati. Beliau menyatakan bahawa si mati boleh mati dalam anggaran masa 10 minit sehingga 45 minit selepas cedera di leher. Tambahan lagi, kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati begitu banyak dan beliau mengesahkan bahawa kematian si mati adalah berpunca daripada luka hiris pada leher si mati. Oleh yang demikian, mahkamah menerima keterangan SP5 tersebut dengan menyatakan bahawa keterangan tersebut adalah kredibel, konsisten dan dipercayai.

Pendakwa Raya Iwn Nur Hidayah bt Abdullah [2022] 11 MLJ 705

Hasil bedah siasat yang dilakukan oleh Dr. Hayanti Sara Azmeen binti Mohd Razali (SP3), beliau telah memberi keterangan bahawa si mati telah mengalami kecederaan luka di bahagian dada yang mana terdapat satu kesan luka tikam. Selain itu, beliau juga menjelaskan bahawa kecederaan yang dialami si mati ini merupakan kecederaan *fatal* kerana ia menyebabkan pendarahan yang banyak di bahagian dada dan di dalam kantung jantung.

Seterusnya, beliau juga mengesahkan bahawa senjata yang menyebabkan kecederaan si mati adalah senjata yang tajam dan mempunyai hujung yang tajam. Beliau mengesahkan pisau yang dibawa oleh tertuduh semasa datang ke rumah majikan si mati merupakan senjata yang boleh menyebabkan kecederaan yang dialami oleh si mati. Oleh itu, berdasarkan keterangan SP3 tersebut, mahkamah telah menerima keterangan beliau yang menyatakan bahawa perbuatan tertuduh itu telah menyebabkan kecederaan yang membawa kepada kematian si mati.

Saimon a/l Anthony lwn Pendakwa Raya dan lain-lain rayuan [2023] 5 MLJ 222

Pakar Perubatan Forensik, Dr. Sri Marni binti Zainal Abidin (SP2) telah menjalankan bedah siasat ke atas si mati. Dalam keterangannya, beliau menyatakan terdapat lima luka tetakan di bahagian kepala yang menyebabkan pendarahan kulit kepala, keretakan tulang tengkorak, pendarahan dalam kepala dan kecederaan otak si mati. Selain itu, si mati juga kehilangan darah yang banyak sehingga berlakunya kecederaan pada kulit kepala lalu menyebabkan pengaliran darah ke organ-organ lain seperti jantung dan otak terganggu, SP2 juga menyatakan bahawa pendarahan dalam kepala dan kecederaan otak boleh mengganggu tahap kesedaran si mati sehingga boleh menyebabkan kematian. Tambahan lagi, beliau menyatakan bahawa kecederaan di bahagian kepala yang berkait dengan keretakan tulang tengkorak dan kecederaan otak adalah disebabkan oleh trauma daya objek yang tajam (*sharp force trauma*). Walau bagaimanapun, dalam keterangan SP2, beliau mengesahkan bahawa punca kematian si mati adalah disebabkan oleh luka tetak berganda di bahagian kepalanya (*multiple slash wounds to the head*). Dalam kes ini, mahkamah telah menerima keterangan yang dikemukakan oleh SP2 dalam mengenal pasti punca kematian si mati adalah disebabkan perbuatan tertuduh-tertuduh.

Public Prosecutor v Chan Beng Hoi & Anor [2019] MLJU 1798

SP6 dalam kes ini telah dipanggil untuk memberikan keterangannya di mahkamah. Beliau merupakan Ahli Kimia di Jabatan Kimia, Bintulu dan mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Sains Forensik di Universiti Sains Malaysia. Selain itu, beliau juga mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang ini selama 12 tahun. Dalam keterangannya, beliau juga menyatakan bahawa beliau merupakan salah seorang ahli dalam Persatuan Forensik Sains Malaysia. Beliau menjelaskan dalam keterangannya beliau mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan dan menghadiri kursus yang melibatkan analisis dadah berbahaya. Tambahan pula, beliau pernah beberapa kali memberikan keterangannya di mahkamah dan mempunyai pengetahuan yang luas. Disebabkan perkara ini, keterangannya itu tidak pernah dipersoalkan. Dalam keterangannya, beliau menyatakan bahawa telah menjalankan ujian analisis untuk menentukan berat isi kandungan dua plastik lutsinar tersebut. Pertamanya, beliau mengeluarkan semua isi kandungan yang terdapat dalam kedua plastik lutsinar tersebut untuk menimbang berat plastik sahaja. Kemudiannya, beliau mendapati serbuk kristal tersebut adalah seberat 95.54 grams. Berdasarkan keterangannya, serbuk kristal tersebut telah '*hemogenised*' semasa analisis dan selepas itu dilakukan analisis kimia. SP6 menyatakan beliau telah melakukan '*marquis test*' untuk menentukan kewujudan dadah tersebut. Sebelumnya, warna oren telah bertukar kepada warna coklat menunjukkan serbuk kristal tersebut mengandungi methamphetamine. Seterusnya, beliau menjalankan ujian '*gas chromatography-mass spectrometer*' bagi menentukan jenis dadah yang dijumpai pada serbuk kristal itu dan hasil ujian dapat mengesahkan dadah tersebut merupakan jenis methamphetamine. Ujian terakhir yang SP6 lakukan adalah '*quantitative test*' dengan menggunakan GC-FID untuk menentukan kuantiti Methamphetamine yang dijumpai pada

serbuk kristal tersebut. Untuk ujian ini, SP6 telah mengambil sejumlah 7 bilangan sampel perwakilan daripada serbuk kristal 'hemogenised' dan hasil daripada ujian analisis itu, dapat mengesahkan dadah tersebut merupakan dadah jenis methamphetamines dengan berat 75.72 grams. Berdasarkan pengalaman dan kelayakannya serta keterangan yang dikemukakan juga tiada bantahan, mahkamah menerima keterangan SP6 merupakan keterangan saksi pakar sebagai ahli kimia di bawah seksyen 45 Akta Keterangan 1950. Mahkamah mendapati bahawa beliau mempunyai kelayakan untuk mengemukakan keterangannya di mahkamah.

Pendakwa Raya Iwn Mohamad Zulazwan bin Saali dan satu lagi [2020] MLJU 1293

Dalam keterangan Dr Vanitha Kunalan (SP6), beliau menyatakan daripada hasil dapatan ujian analisis yang dilakukan, beliau mendapati bahawa serbuk kristal yang berwarna putih itu merupakan dadah yang berbahaya jenis Methamphetamine seberat 1415.2 grams. Di samping itu, SP4 iaitu Erizasyira binti Basri, merupakan seorang ahli kimia di Bahagian DNA Forensik, Jabatan Kimia Malaysia telah memberikan keterangannya berkaitan dengan ujian analisis DNA ke atas sapu tangan yang dijumpai dalam beg tertuduh. Dari hasil analisisnya, beliau menyatakan terdapat DNA tertuduh pada sapu tangan tersebut. Selain itu, DSP Mohd Hanizan bin Mohd Wasli (SP9) dari Unit Audio Video, Makmal Forensik PDRM Cheras juga memberikan keterangan bahawa terdapat rakaman CCTV dan Laporan Pemeriksaan Forensik serta gambar-gambar yang menunjukkan tertuduh pertama tiba di pelepasan pintu KLIA 2 dan menaiki kenderaan Proton Wira yang dipandu oleh tertuduh kedua dengan membawa beg tersebut. Seterusnya, pada hari yang sama, terdapat rakaman CCTV dan juga Laporan Pemeriksaan Forensik yang menunjukkan tertuduh telah turun dari kereta yang sama dengan membawa beg tersebut. Daripada keterangan yang telah dikemukakan, mahkamah berpuas hati menyatakan bahawa tertuduh pertama berada di KLIA 2 semata-mata untuk mendapatkan sesuatu daripada tertuduh kedua supaya dibawa pulang ke Miri, Sarawak. Selain itu, beg yang dibawa tertuduh pertama itu sentiasa berada di bawah jagaan dan pengetahuannya. Tambahan lagi, terdapat keterangan yang menunjukkan tertuduh kedua telah memasukkan kotak-kotak tersebut ke dalam beg tertuduh pertama.

Pendakwa Raya Iwn Vjendran a/l Balakrishnan [2022] MLJU 169

Dalam keterangan SP4, beliau telah menjalankan ujian analisis DNA ke atas dadah yang dirampas. Daripada analisisnya, beliau menyatakan dadah yang dirampas tersebut merupakan dadah berbahaya jenis heroin dan monoacetylmorphines yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952. Selain itu, beliau juga menyatakan terdapat juga DNA tertuduh pertama pada barang-barang forensik antaranya adalah baju T bernam "Rags Jeans", dua puntung rokok, seluar pendek, penutup muka di mana dadah tersebut dijumpai. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, mahkamah berpuas hati dengan menyatakan barang-barang forensik yang dirampas mengandungi DNA tertuduh pertama dan tiada DNA individu lain yang dijumpai. Justeru itu, mahkamah berpuas hati bahawa dadah yang dijumpai di tempat kejadian tersebut adalah dalam milikan tertuduh pertama.

Public Prosecutor v Saldi bin Rappe [2022] MLJU 1408

Bagi membuktikan jenis dan berat dadah yang dirampas tersebut, pihak pendakwa telah memanggil SP1 untuk mengemukakan keterangannya. SP1 memiliki kelayakan akademik dalam Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Sains (Sains Forensik) daripada Universiti Sains Malaysia. Beliau juga merupakan seorang Ahli Sains di Jabatan Kimia Malaysia, Kuching bermula dari 18 Julai 2005 sehingga 1 Disember 2013. Sejak dari itu, beliau berkhidmat di Jabatan Kimia Malaysia, Kota Kinabalu. Selain itu, beliau pernah

memberi keterangan mengenai pelbagai kursus, seminar, persidangan dan bengkel yang beliau hadiri. Beliau juga menyatakan pernah memberi keterangan lebih daripada 100 kes di mahkamah dan keterangan beliau tidak dipersoalkan oleh mana-mana pihak. Dalam kes ini, beliau menjalankan analisis GC-MS dan GC-FID dan didapati bahawa berat bersih dadah methamphetamine adalah seberat 57.22 grams manakala berat kasar yang terkandung dalam serbuk kristal itu adalah seberat 81.72 grams. Oleh itu, mahkamah telah menerima keterangan yang diberikan oleh SP1 mengenai jenis dan berat dadah yang telah dirampas di tempat kejadian sebagai keterangan pakar berdasarkan seksyen 45 Akta Keterangan 1950.

Public Prosecutor v Alex bin Abdullah & Anor [2023] MLJU 85

Bagi mengenal pasti jenis dan berat dadah tersebut, pihak pendakwa telah memanggil Biling Ak Peter Raig (SP1) yang merupakan Pegawai Sains di Bahagian Analisis Sains Forensik, Jabatan Kimia Malaysia di Kota Kinabalu. SP1 telah berkhidmat di Jabatan Kimia Malaysia sejak dari September 2000 dan mempunyai lepasan Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia. Beliau juga merupakan ahli Institusi Kimia Malaysia dalam Persatuan Sains Forensik Malaysia dan Rangkaian Sains Forensik Asia. Selain itu, beliau juga pernah menjalani latihan khusus dan menghadiri banyak kursus dan seminar yang melibatkan analisis dadah berbahaya termasuk methamphetamine. Hasil daripada analisis yang dilakukan didapati berat kasar serbuk kristal itu adalah 242.20 grams. Selepas menjalankan ujian analisis GC-MS dan GC-FID, beliau mendapati berat bersih bagi serbuk kristal itu adalah 173.89 grams jenis methamphetamine. Tambahan lagi, beliau menyatakan Methamphetamine merupakan salah satu dadah yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952. Hasil analisis yang diperoleh telah dicatatkan dalam laporan untuk diserahkan kepada mahkamah. Berdasarkan keterangan tersebut, mahkamah menerima keterangan yang dikemukakan oleh SP1 sebagai keterangan pakar berdasarkan seksyen 45 Akta Keterangan 1950.

Pendakwa Raya Iwn Mohd Asrizal bin Mohd Ibrahim dan lain-lain [2021] MLJU 848

SP8 iaitu (ASP Nik Mohd Norhisyam) merupakan seorang juru analisis forensik senjata di Makmal Forensik PDRM, Cheras, Kuala Lumpur. Dalam keterangannya, beliau telah menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas pistol tersebut. Beliau mendapati pistol itu dapat melepaskan tembakan dan berfungsi dengan baik. Selain itu juga, dari hasil analisa dan perbandingan yang dilakukan, SP8 mendapati satu butir kelongsong peluru 9 mm dan dua butir kelongsong peluru 9 mm yang diuji untuk menembak dengan menggunakan pistol yang sama mempunyai persamaan ciri-ciri individu. Oleh sebab itu, SP8 berpendapat bahawa tembakan tersebut dilepaskan daripada pistol yang sama. Dalam kes ini, mahkamah menerima keterangan yang diberikan oleh SP8 yang menyatakan tembakan yang dilepaskan itu adalah daripada perbuatan tertuduh pertama.

KESIMPULAN

Analisis kes mendapati dalam kes-kes jenayah, keterangan pakar forensik merupakan salah satu keterangan yang diterima oleh mahkamah. Meskipun keterangan pakar forensik merupakan keterangan secara tidak langsung, mahkamah telah menerima keterangan ini berdasarkan kepada pendapat, kepakaran, kelayakan dan juga pengalaman yang mereka ada. Walau bagaimanapun, tidak semua kes tersebut, mahkamah melihat daripada semua aspek yang ada pada seseorang pakar forensik. Mahkamah hanya melihat daripada pendapat mereka sahaja untuk menerima atau tidak keterangan yang dikemukakan oleh pakar forensik tersebut.

Misalnya, dalam kes bunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan, yang mana kebanyakan dalam kes ini, pihak pendakwa memanggil pakar forensik untuk memberikan keterangan mereka bagi mengenal pasti sama ada punca kematian si mati itu adalah disebabkan oleh kecederaan yang dialami mereka yang dilakukan oleh tertuduh.

Namun begitu, terdapat juga dalam beberapa kes yang keterangan pakar forensik itu mahkamah mengambil kira dari kelayakan mereka dengan merujuk kepada seksyen 45 Akta Keterangan 1950. Sebagai contohnya, dalam kes mengedar dadah di bawah seksyen 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dalam kes ini, mahkamah menerima keterangan pakar forensik dengan melihat kepada kelayakan, pengalaman dan kepakaran mereka dalam mengenal pasti jenis dan berat dadah tersebut adalah sama seperti yang telah terkandung dalam Jadual Pertama ADB 1952.

Justeru, dapat kita lihat di sini bahawa keterangan pakar forensik merupakan salah satu keterangan yang penting dalam membantu pihak mahkamah untuk membuat keputusan ke atas tertuduh sama ada tertuduh itu didapati bersalah atau tidak. Mahkamah juga mementingkan keterangan yang dikemukakan oleh pakar forensik itu adalah relevan dan boleh diterima berdasarkan kepada sesuatu fakta kes.

RUJUKAN

- Giannelli, P. C. (2000). Expert qualifications: Traps for the unwary. Faculty Publications 230.
- Haezreena Begum Bt Abdul Hamid. (2022). DNA Evidence in the Criminal Justice System and Privacy Rights. *Malayan Law Journal Articles [2022]* 2 MLJ xcix.
- Hall, R. D. (2010). The forensic entomologist as expert witness. Chapter 14. Taylor and Francis Group.
- Jones, C. A. G. (1994). Expert witness: Science, medicine, and the practice of law. United States of America: Oxford University Press Inc.
- Justice Y V Chandrachud & V R Manohar, (2001), Ratanlal & Dhirajlal's The Law of Evidence, Ed. ke-19, Wadhwa & Company, Nagpur.
- Richard May & Steven Powles, (2004), Criminal Evidence, Ed. ke-5, London, Sweet & Maxwell.
- Robin T. Bowen, (2010), Ethics and the Practice of Forensic Science, CRC Press, Boca Raton.
- Nurbazla Ismail, Abdul Basir Mohamad & Ummi Rose Azra Mohamad Tajuddin. (2021). Kriteria Pemilihan Saksi Pakar Forensik Di Mahkamah. *UUM Journal of Legal Studies*, Vol. 12, Number 2 (July) 2021.
- Nehaluddin Ahmad, Abdul Mohaimin Ayus, Saurabh Chaturvedi & Muhammad Danish Iqbal Ariffin. (2022). The Modern Forensic Techniques in the Criminal Justice System: An Overview. *Malayan Law Journal Articles [2022]* 4 MLJ xv.
- Nehaluddin Ahmad, Hanan Abdul Aziz & M Danish Iqbal Ariffin. (2023). Emerging Developments of Science, Technology and Law: A Critical Overview. *Malayan Law Journal Articles [2023]* 2 MLJ lxxvii.
- Ramalinggam Rajamanickam, Anita Abdul Rahim & Anisah Che Ngah. (2012). Kedudukan Keterangan Pakar Forensik Di Bawah Seksyen 45 Akta Keterangan 1950. *Proceedings of International Conference on Public Policy and Social Science*, UiTM Melaka Malaysia, November 2012.

SENARAI STATUT

Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234)
Akta Keterangan 1950 (Akta 56)
Akta Senjata Api 1971 (Akta 37)
Kanun Keseksaan (Akta 574)

SENARAI KES

Che Mohd Sufian @ Che Bastian bin Che Rashid v Pendakwa Raya [2012] MLJU 908
Kamaruddin bin Mat Din v Pendakwa Raya [1999] MLJU 283
Mohd Afizi bin Abdul Rahman lwn Pendakwa Raya [2020] MLJU 1675
Nagarujun a/l Arjunan v Public Prosecutor and Another Appeal [2021] 2 MLJ 599
Pendakwa Raya lwn Abillah bin Labo Khan [1996] MLJ 268
Pendakwa Raya lwn Aizat Abdullah bin Othman [2019] MLJU 2024
Pendakwa Raya lwn Fong Kim Ho [2018] MLJU 186
Pendakwa Raya lwn Htwee Nu Maung (Warganegara Bangladesh) [2019] MLJU 1756
Pendakwa Raya lwn Ismail bin Mohd Don [2020] MLJU 2215
Pendakwa Raya lwn Ja'afar bin Halid [2021] MLJU 235
Pendakwa Raya lwn Mohd Asrizal bin Mohd Ibrahim dan lain-lain [2021] MLJU 848
Pendakwa Raya lwn Mohamad Zulazwan bin Saali dan satu lagi [2020] MLJU 1293
Pendakwa Raya lwn Nur Hidayah bt Abdullah [2022] 11 MLJ 705
Pendakwa Raya lwn Syaiful Afikin bin Mohd Firus [2022] MLJU 721
Pendakwa Raya lwn Tamang Kamal [2017] MLJU 1660
Pendakwa Raya lwn Vasuthevan a/l Palianappan [2022] MLJU 3669
Pendakwa Raya lwn Vjendran a/l Balakrishnan [2022] MLJU 169
Public Prosecutor v Alex bin Abdullah & Anor [2023] MLJU 85
Public Prosecutor v Chan Beng Hoi & Anor [2019] MLJU 1798
Public Prosecutor v Juli Kanoi [2017] MLJU 286
Public Prosecutor v Saldi bin Rappe [2022] MLJU 1408
Saimon a/l Anthony lwn Pendakwa Raya dan lain-lain rayuan [2023] 5 MLJ 222
That Wei v Public Prosecutor [2021] 6 MLJ 167